

30 JUN 1996

MALAYSIA TAK SETUJU BOUTROS-GHALI KEKAL

LANGKAWI, 30 Jun (Bernama) -- Malaysia tidak akan menyokong hasrat setiausaha agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Boutros Boutros-Ghali untuk menerajui pertubuhan itu untuk penggal kedua.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata ini kerana Boutros-Ghali telah gagal melaksanakan tanggungjawabnya sebagai pemimpin sebuah pertubuhan dunia.

"Kita tidak akan sokong sebab dia tidak berupaya untuk menyelesaikan banyak perkara seperti di Bosnia. Di sana ramai yang telah terkorban tetapi masih tiada sebarang penyelesaian...kita tidak berpuas hati dan menolak beliau sama-sekali," katanya pada persidangan akhbar pada akhir lawatan tidak rasmi beliau ke sini.

Dr Mahathir berkata Malaysia juga tidak yakin Boutros-Ghali dapat menjalankan tugasnya seperti yang diharapkan jika beliau dikekalkan.

Tempoh perlantikan Ghali tamat pada 31 Dis ini dan beberapa hari lepas beliau dilaporkan cuba mendapatkan sokongan dari negara-negara Asia bagi membolehkannya memegang jawatan itu.

Ini adalah ekoran laporan yang menyatakan bahawa Amerika Syarikat tidak menyokong pelantikannya bagi penggal kedua. -- BERNAMA

ZAA MAI